

Aspek Pengawalan Sistem Matawang Dinar

SEMINAR DINAR DIRHAM KELANTAN
20 SEPTEMBER 2006
8.30 PAGI

Oleh
Dr. Rosli Bin Yaakop

Muqaddimah

Asas sistem mata wang dalam Islam ialah sistem dwi-logam – emas (Dinar Emas) dan perak (Dirham). Sistem inilah yang diamalkan di dalam Daulah Islamiah bermula dari zaman Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam sehinggalah kepada berakhirnya Daulah Othmaniah pada awal abad ke 20 Masihi (1924). Setelah dilupakan kira-kira tiga suku abad, kini sudah ada gerakan untuk menziarahi semula sistem ini dengan harapan ianya dapat dihidupkan kembali di negara-negara Islam.

Memang diakui bahawa sistem kewangan dunia hari ini tidak stabil. Sistem kadar pertukaran terapong atau dikenali juga sebagai sistem kadar pertukaran anjal terdedah kepada serangan spekulasi. Rakyat negara-negara Asia Tenggara khususnya Thailand, Malaysia, Filipina, Indonesia dan Singapura tentunya tidak dapat melupakan serangan spekulasi ke atas mata wang mereka pada pertengahan tahun 1997 yang telah membawa kepada krisis kewangan yang terbesar di dalam sejarah moden negara-negara ini.

Krisis ini telah memiskinkan negara-negara berkenaan dengan nilai pertukaran mata wang masing-masing berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat mengalami susut nilai sebanyak antara 30-60%, pendapatan negara dan

ASPEK PENGAWALAN SISTEM MATAWANG DINAR

OLEH
DR ROSLI BIN YAAKOP

DEWAN BUNGA EMAS
HOTEL PERDANA, KOTA BHARU

pendapatan per kapita merosot, pasaran modal musnah dan inflasi memuncak. Negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan Filipina terpaksa berhutang dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Proses pemulihan ekonomi memakan masa yang cukup panjang. Nilai pertukaran ringgit Malaysia, misalnya, yang telah jatuh dari sekitar USD1.00 = RM2.75 sebelum krisis kepada RM3.80 selepas krisis masih tidak mampu dikembalikan kepada kadar pertukaran asalnya dan mungkin tidak akan kembali ke tahap itu dalam tempoh ke hadapan yang boleh diduga. Amatlah tidak munasabah apabila ekonomi sudah berkembang pesat nilai matawang menjadi semakin murah.

Walaupun disedari bahawa di bawah sistem kadar pertukaran terapong yang diamalkan sekarang tiada negara yang merasa selamat dari serangan spekulasi, negara-negara di dunia tetap mengamalkan sistem ini kerana belum muncul lagi satu sistem alternatif yang lebih baik. Kemunculan gerakan "kembali kepada Dinar Emas" sejak akhir-akhir ini berpotensi untuk menawarkan kepada dunia satu sistem kewangan yang lebih stabil. Namun, kemunculan gagasan ini diperhatikan oleh masyarakat dunia khasnya dunia Barat dan kuasa-kuasa besar ekonomi dengan penuh kesangsian kerana ia dianggap sebagai satu unsur yang bersepadu dengan kemunculan semula fundamentalisme Islam. Ironinya, dunia Barat tahu bahawa sistem matawang dinar emas mampu membawa kestabilan kepada sistem kewangan dan ekonomi dunia – sejarahnya yang panjang telah membuktikan kebenaran ini – namun, realiti dan percaturan politik antarabangsa memenangkan

pertimbangan bahawa sesuatu yang Islamik harus diletakkan di tempat duduk belakang.

Gerakan "kembali kepada Dinar Emas" diasaskan – harus diiktiraf – oleh Profesor Omar Ibrahim Vadillo, orang yang mengasaskan Pertubuhan Murabitun Antarabangsa di Afrika Selatan se awal tahun 1983 lagi. Gerakan ini amat dikenali di Eropah tetapi di negara-negara Islam ianya kurang terserlah.

Setelah berkali-kali beliau datang ke Malaysia dan menghuraikan mengenai sistem ini kepada pemimpin tertinggi Malaysia, akhirnya idea ini mendapat sokongan Tun Mahathir Mohamad (kini bekas Perdana Menteri Malaysia) dan Tun Mahathir telah mempromosikannya di kalangan negara-negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mulai tahun 2002. Berita bahawa Malaysia akan mula menggunakan Dinar Emas Islam dalam penyelesaian pembayaran dua hala dengan rakan-rakan dagangnya mulai pertengahan tahun 2003 tersebar luas di seluruh dunia. Walau bagaimanapun berita samada idea ini telah terlaksana belum lagi kedengaran. Sebaliknya, apa yang diketahui ialah ada tanda-tanda kurang minat di pihak pengganti Tun Mahathir untuk terus mempelupori dan mengembangkan gagasan ini. Komen yang biasa oleh pemerhati-pemerhati ialah: "*Mahathir announced that Malaysia was to start using the dinar in mid-2003, but when in 2003 Abdullah Ahmad Badawi replaced him as Prime Minister of Malaysia, his idea stalled.*" (lihat "*Islamic Dinar*" di dalam "*Wikipedia, the Free Encyclopedia*").

Malah, mulai awal tahun 2004 Malaysia telah kembali kepada sistem kadar pertukaran terapong menggantikan sistem kadar pertukaran dikekang yang telah diamalkan sejak tahun 1998 sebagai langkah menepis serangan spekulasi. Ini sekali lagi mendedahkan Ringgit Malaysia kepada serangan spekulasi. Ini boleh dianggap satu langkah ke belakang dalam usaha untuk melindunginya (*to shield*) ringgit Malaysia dari serangan spekulasi yang mungkin sekali lagi boleh memiskinkan kita seperti mana yang berlaku dalam tahun 1997-98. Spekulator boleh memusnahkan ekonomi dalam masa yang singkat (*overnight*).

Mata wang di dalam Islam dikenali sebagai "wang komoditi" (*commodity money*) kerana nilai mukanya (*its face value*) sama dengan nilai intrinsik (*its intrinsic value*), iaitu, nilainya sebagai komoditi. Ini berbeza dengan wang kertas yang dipakai hari ini – nilai muka wang kertas biasanya jauh lebih besar daripada nilai kertas itu sendiri. Dari segi hukum, Islam menerima dan mengamalkan wang komoditi sahaja. Nilai wang komoditi ini ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran bagi komoditi berkenaan. Komoditi yang ditetapkan dalam Islam sebagai wang ialah emas dan perak.

Sistem Penyelesaian Pembayaran Berasaskan Dinar Emas

Dalam tahun 2002, dua persidangan penting berlangsung di Malaysia melibatkan perwakilan daripada Pertubuhan Persidangan Islam atau *Organisation of Islamic conference*

(*OIC*). Persidangan pertama mengenai "*Stable and Just Global Monetary Systems*" (Sistem Kewangan Sejagat yang Stabil dan Adil) diadakan pada bulan Ogos dan disusuli dengan persidangan mengenai "*The Gold Dinar in Multilateral Trade*" (Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala) dalam bulan Oktober.

Dalam persidangan pertama telah diumumkan bahawa Dinar Emas akan digunakan sebagai alat penyelesaian pembayaran dua hala antara Malaysia dengan negara-negara Islam yang bersetuju dengan Malaysia untuk menggunakan sistem penyelesaian pembayaran dua hala ini mulai pertengahan tahun 2003. Matalamat jangka panjang ialah untuk menjadikan Dinar Emas sebagai alat penyelesaian pembayaran pelbagai hala di kalangan negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam.

Di peringkat kerajaan, gagasan untuk "Pulang kepada Dinar Emas" ini dipelupuri oleh Tun Mahathir Mohamad yang pada ketika itu adalah Perdana Menteri Malaysia. Beliau bersara pada bulan November 2003 setelah 22 tahun menjadi Perdana Menteri. Namun, adalah dipercayai bahawa "orang teknikal" di belakang gagasan ini ialah Tan Sri Nor Mohamed Yackop, Menteri Kewangan Kedua dalam kabinet Perdana Menteri Abdullah Badawi kini. Ini memandangkan bahawa gagasan ini dibina di sekitar perjanjian pembayaran dua hala dan pelbagai hala yang beliau mulakan pada akhir tahun 1980an semasa bertugas di Bank Negara Malaysia. Matawang penyelesaian di dalam perjanjian berkenaan ialah Dolar Amerika Syarikat (USD). Dalam gagasan terkini "Kembali kepada Dinar

Emas” dicadangkan Dinar Emas dijadikan sebagai matawang penyelesaian menggantikan USD.

Apakah perkembangan terkini gagasan ”Kembali kepada Dinar Emas” ini?

Jude Wanniski, seorang pemerhati perkembangan pasaran kewangan dan pakar ”*supply-side economics*” telah membuat kenyataan berikut mengenai perkembangan gagasan ”Kembali kepada Dinar Emas” ini: ”*But after a few speeches and press releases on this subject, he (Tun Mahathir Mohamad) has disappeared, practically dropping out of sight.*” (lihat “*Where Is That Gold Dinar?*” oleh Jude Wanniski di dalam Aljazeera.net, 24 November 2004). Kenyataan ini meringkaskan status gagasan, iaitu, tiada kesinambungan, tiada minat untuk mengembangkannya dan seolah-olah telah dilupakan sama sekali oleh pemimpin baru Malaysia.

Gagasan Tun Mahathir sebenarnya belum sampai ke tahap untuk mengembalikan Dinar Emas sebagai matawang yang berfungsi sebagai alat “perantaraan pertukaran” (*a medium of exchange*) tetapi hanyalah sebagai unit akaun untuk penyelesaian pembayaran antarabangsa di antara bank-bank pusat (*central bank*) Negara-negara OIC yang berdagang antara satu sama lain. Modus operandi daripada penggunaan Dinar Emas ini dikemukakan oleh Nor Mohamed Yackop pada persidangan dalam bulan Ogos 2002 dengan mengambil perdagangan dua hala di antara Arab Saudi dan Malaysia sebagai contoh seperti berikut: Pengeksport Malaysia akan di bayar di dalam Ringgit

Malaysia (RM) oleh Bank Negara Malaysia bila jatuh tarikh pembayaran untuk eksport berkenaan. Pada masa yang sama pengimport juga akan membayar Bank Negara nilai import berkenaan dalam nilai RM (*RM equivalent*). Bank Pusat Arab Saudi juga menggunakan mekanisma yang sama.

Katahal penyelesaian pembayaran dibuat tiap-tiap tiga bulan sekali. Pada tarikh jatuh kitaran tiga bulan ini, jumlah eksport Malaysia ke Arab Saudi berjumlah 2 juta Dinar Emas dan jumlah eksport Arab Saudi ke Malaysia pula berjumlah RM1.8 Dinar. Ini bermakna, dalam kitaran 3 bulan ini Arab Saudi mengalami defisit perdagangan dengan Malaysia sebanyak 0.2 juta Dinar Emas. Maka, Bank Pusat Arab Saudi kena bayar Bank Pusat Malaysia sebanyak 0.2 juta Dinar Emas.

Bagaimanakah penyelesaian pembayaran boleh dibuat?

Katakan Bank Pusat Arab Saudi ada emas di dalam *Custodian's Account* miliknya dengan Bank of England. Bank Pusat Malaysia juga memiliki akaun yang serupa di Bank yang sama. Penyelesaian pembayaran terlaksana bilamana Bank Pusat Saudi memindahkan emas seberat 0.2 juta auns dari *Custodian's Account* miliknya di Bank of England kepada *Custodian's Account* milik Bank Pusat Malaysia di Bank yang sama. Kalau Malaysia mengalami defisit, ia akan memindahkan Dinar Emas ke akaun Bank Pusat Arab Saudi.

Perkara penting yang perlu diperhatikan di dalam sistem penyelesaian pembayaran ini ialah hanya jumlah yang relatif kecil Dinar Emas diperlukan untuk menyokong jumlah nilai perdagangan yang relatif besar: 0.2 juta auns emas (bernilai 0.2 juta Dinar Emas) menyokong jumlah perdagangan sebesar 3.8 Dinar Emas, iaitu, 19 kali ganda.

Idea Tun Mahathir Mohamad sebenarnya merupakan satu cadangan untuk kembali kepada Sistem Bretton Woods atau dikenali juga sebagai sistem piawai emas. Sistem Bretton Woods diwujudkan selepas Perang Dunia Kedua hasil pertemuan Negara-negara Bersekutu di Bretton Woods, Amerika Syarikat. Mereka bersetuju mengekang kadar pertukaran matawang antarabangsa kepada emas bagi memudahkan perdagangan antarabangsa. Nilai dolar Amerika misalnya, ditetapkan pada USD1.00 = 1/35 auns emas. Ini bermakna sesiapa sahaja yang menyerahkan USD1.00 kepada *Federal Reserve* dan mahukan emas, ia akan diberi emas seberat 1/35 auns. Juga emas akan bertukar tangan di antara negara-negara dalam "book entries" dan emas fizikal.

Walau bagaimana pun, sistem ini telah dimusnahkan oleh Presiden Nixon mulai 15 Ogos 1971 bila mana nilai pertukaran USD diapungkan, iaitu, membiarkan nilai pertukaran ditentukan oleh kuasa penawaran dan permintaan tanpa sandaran emas. Hari ini tiada lagi matawang di dunia yang disokong oleh emas (*gold-back currencies*).

Apa yang dipanggil sebagai regim kadar pertukaran anjal (*flexible exchange rate regime*) ini terus diamalkan sehingga hari ini. George Soros dalam penelitiannya mendapati bahawa "*freely floating exchange rates are cumulatively destabilising.*" Beliau merumuskan: "*Exchange rate misalignments have become a major source of disruption for the world economy. They make it unsafe to make long-term investments, they endanger the value of investments already made, and they are at the root of protectionist sentiment in the United States. The market mechanism fails to bring currencies back into alignment. On the contrary, speculation tends to exaggerate currency moves. As we have seen, the system of freely floating currencies is cumulatively distabilising.*" (lihat George Soros, "*The Alchemy of Finance*," John Wiley and Son, New York, 1987). Beliau telah mengambil manfaat dari ketidaksbilan ini dengan berspekulasi di dalam pasaran matawang antarabangsa dan telah berhasil meraih keuntungan besar.

Apa penyelesaiannya? Goerge Soros menawarkan beberapa penyelesaian termasuklah mengamalkan polisi "*target zones*" (menentukan jeda pergerakan kadar pertukaran), kembali kepada sistem kadar pertukaran tetap (*fixed exchange rate system*) tanpa atau dengan piawai emas, mewujudkan satu matawang antarabangsa dan pulang kepada emas kerana kata beliau: "*Gold has served as a stabilizer throughout history and it may play that role again in one form or another...*" (lihat "*Alchemy of Finance*").

Jelas bahawa di sana ada sokongan kepada gagasan “kembali kepada Dinar Emas” sebagai jalan keluar kepada permasalahan yang menghantui sistem kewangan dunia hari ini. Namun, IMF melarang mana-mana Negara ahlinya dari menggunakan emas sebagai matawang.

Apa Dia Dinar Emas Islam?

Gerakan “kembali kepada Dinar Emas” memilih untuk kembali mengguna dan mengekalkan piawaian yang telah ditetapkan 1400 tahun dahulu oleh Omar Al-Khattab, Khalifah Islam Kedua (632 Masihi) seperti berikut:

- Dinar emas Islam mempunyai berat khusus, iaitu, 4.25 gram emas 22 karat (917) bagi satu Dinar.
- Dirham Islam mempunyai berat khusus, iaitu, 3.0 gram perak tulin bagi satu Dirham.
- Syedina Omar Al Khattab juga menetapkan bahawa berat 7 Dinar bersamaan berat 10 Dirham. Disebut juga berat 10 Dirham bersamaan berat 7 mithqal emas (berat Dinar). Ini bermakna kadar pertukaran di antara Dirham dan Dinar emas ialah satu Dirham bersamaan 0.7 Dinar.
- Berat satu mithqal emas bersamaan 72 butir barley. Maka berat satu Dirham bersamaan 50.4 butir barley.

- Harga Dinar Emas dan Dirham ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran.

Piawaian ini dikenali sebagai “Piawaian Omar Al Khattab” dan piawaian inilah yang berkuatkuasa dari zaman beliau sampailah kepada Kahlifah terakhir kerajaan Othmaniah (1924).

Kegunaan Dinar Emas Islam

Dalam Daulah Islamiah Dinar Emas adalah alat perantaraan pertukaran (*a medium of exchange*). Ia adalah wang (*money*) dan ia adalah matawang (*currency*). Wang digunakan untuk membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan yang dibeli. Wang diteirma sebagai bayaran bagi barangan dan perkhidmatan yang dijual. Wang yang digunakan untuk jual-beli dikenali sebagai “*legal tender*.”

Selain dari berfungsi sebagai alat perantaraan pertukaran, wang juga berfungsi sebagai alat pengukur nilai (*measurement of value*), alat bayaran tertangguh (*instrument of deferred payment*), iaitu, alat pembayaran hutang, unit akaun (*unit of account*) dan alat penyimpan nilai (*store of value*). Kepada fungsi ini boleh ditambah dua lagi fungsi, iaitu, alat spekulasi dan alat empayar (*tool of empire*).

Dalam Daulah Islamiah, Dinar Emas juga adalah alat pembayaran zakat, mahar perkahwinan dan alat pembayaran denda berkaitan kesalahan jenayah di bawah hukum-hukum Islam seperti hudud dan lain-lain. Dengan

ketiadaan Dinar Emas, semua ini diselesaikan dengan wang kertas dan di Malaysia tentulah dengan ringgit Malaysia. Untuk menentukan semua penyelesaian ini memenuhi ciri-ciri dan tuntutan hukum dan Syariat Islam, maka ”kembali kepada penggunaan matawang Dinar Emas Islam” adalah satu gerakan yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam.

Gagasan yang hendak dilaksanakan oleh Tun Mahathir ialah menjadikan Dinar Emas sebagai alat penyelesaian pembayaran perdagangan antarabangsa bagi menggantikan dolar Amerika Syarikat. Ini tidak termasuk gagasan untuk menggunakan Dinar Emas sebagai wang dan matawang bagi menggantikan wang kertas dan koin, iaitu, dalam kontek Malaysia, wang kertas ringgit Malaysia yang dipakai sekarang. Tiada tanda-tanda yang boleh menunjukkan bahawa Malaysia akan menggunakan Dinar Emas dan Dirham bagi menggantikan ringgit Malaysia. Lagi pun di sana adalah larangan oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF) yang tidak membenarkan mana-mana negara di dunia (yang menjadi ahli IMF) menggunakan emas sebagai matawang. Mungkin inilah yang menjadi halangan besar untuk negara-negara Islam menghidupkan kembali sistem Dinar Emas Islam.

Perlu diingat bahawa hanya satu matawang yang sah diperlakukan (*legal tender*) di Malaysia, iaitu, ringgit Malaysia. Lain-lain matawang – semua matawang selain daripada ringgit Malaysia – tidak sah diperlakukan dan oleh itu tidak boleh digunakan sebagai perataran jual-beli dalam mana-mana wilayah Malaysia. Kalau ada mana-mana pihak menggunakan Dinar Emas dan Dirham di

Malaysia sebagai alat pertukaran (*medium of exchange*) maka perbuatan itu menyalahi undang-undang negara Malaysia. Jika kita memiliki Dinar Emas, maka Dinar Emas itu hendaklah ditukarkan kepada ringgit Malaysia dahulu dan ringgit itulah yang digunakan untuk berjual-beli. Kadar pertukaran di antara Dinar Emas ialah harga semasa (*spot price*) emas di dalam pasaran emas, tempatan atau antarabangsa. Kalau piawaian Omar Al-Khattab digunakan maka satu Dinar Emas beratnya bersamaan 4.25 gram. Kalau pada hari ini (20 September 2006) harga emas di Pasaran Logam London bersamaan RM100.00 per gram, maka kadar pertukaran 1 Dinar Emas bersamaan RM425.00. Kadar pertukaran ini akan berubah-ubah mengikut harga pasaran emas.

Ada saranan supaya dibuat piawaian baru di mana satu Dinar Emas bersamaan berat satu auns emas 24 karat memandangkan bahawa harga emas antarabangsa hari ini disebut dalam USD per troy auns emas 24 karat. Ini akan memudahkan pengiraan kadar pertukaran di antara Dinar Emas dengan mana-mana matawang di dunia. Misalnya, kalau pada hari ini (20 September 2006) harga se auns emas ialah USD300.00 (*spot price*), maka satu Dinar Emas bersamaan USD300.00. Kadar pertukaran Dinar Emas dengan semua matawang lain boleh dikira mengikut kadar pertukaran semasa (*spot price*) atas ”*real-time basis*.”

Sebenarnya menentukan berat Dinar Emas dan Dirham dalam gram atau auns merupakan pilihan. Proses *conversion* dari auns ke gram dan sebaliknya sudah cukup untuk menyelesaikan perkiraan seperti berikut:

- Satu Dinar Emas = 4.25 gram 22 karat emas.
- Satu kilogram emas = 32.15 troy auns 24 karat emas.
- Atau 1000 gram emas = 32.15 troy auns 24 karat emas.
- Maka Satu gram emas = 0.03215 troy auns 24 karat emas.
- Maka Satu Dinar Emas = $4.25 \times 0.917 \times 0.03215 = 0.1253$ troy auns.
- Kalau harga spot emas = 438.9 euro per auns,
- **Maka harga Satu Dinar Emas = $438.9 \times 0.1253 = 55$ euro**
- **Atau, kadar conversion = $483.9/55 = 7.98$ Dinar/auns.**

Formula untuk mengira *conversion rate* adalah seperti berikut:

- $(31.1034768 \text{ g/oz}) / ((4.25\text{g/dinar})(22\text{k}/24\text{k})) = 7.98 \text{ dinar/oz.}$

Dalam hukum Islam tiada konsep wang kertas dalam pengertian wang kertas yang kita ketahui hari ini, iaitu, wang kertas yang merupakan surat hutang atau surat janji mahu bayar hutang atau surat IOU. Oleh yang demikian, pengertian sebenar kepada "menghidupkan semula sistem wang Dinar Emas Islam" ialah menggantikan wang kertas dan koin yang beredar di dalam ekonomi sekarang dengan wang Dinar Emas dan wang Dirham yang benar-benar dibuat dari, masing-masing, emas dan perak. Kalau hari ini

kita membawa wang kertas ringgit Malaysia dan koin di dalam saku dan dompet kita, maka dengan hidupnya kembali matawang Dinar Emas Islam, yang kita bawa dalam saku dan dompet kita ialah emas dan perak secara fizikal. Wang simpanan kita di dalam akaun bank kita pula benar-benar emas dan perak. Kalau kita ada baki 1000 Dinar Emas di dalam akaun kita di bank maka di dalam peti kebal bank itu ada emas seberat 4250 gram di bawah nama kita. Bila kita mengeluarkan simpanan bakinya akan turun dan bila kita tambah simpanan, bakinya akan naik.

Sudahkah ada mana-mana negara Islam yang menggunakan Dinar Emas Islam sebagai matawang menggantikan wang kertas?

Belum ada mana-mana negara Islam yang mengamalkan sistem matawang seperti ini setakat hari ini. Saranan Malaysia untuk menyelesaikan pembayaran perdagangan dua hala dan pelbagai hala dengan rakan kongsi perdagangannya di kalangan negara ahli OIC belum sampai ke tahap mewujudkan Dinar Emas dan Dirham Perak Islam yang beredar dalam ekonomi sebagai *legal tender* atau alat perantaraan pertukaran. Tahap inilah dilarang oleh IMF.

Dinar Emas Islam telah dilancarkan di Amiriyyah Arab Bersatu (UAE) pada 7 November 2001 oleh *Islamic Mint* bergabung tenaga dengan Thomas Cook Rostamani Exchange Company dan Dubai Islamic Bank. Setakat yang diketahui, inilah Dinar Emas Islam yang pertama dilancarkan dalam sejarah dunia moden melalui saluran yang diiktiraf secara rasmi. Dinar Emas Islam ini boleh

diperolehi dari cawangan-cawangan Thomas Cook Rostamani Exchange Company dan Dubai Islamic Bank di kesemua 7 negara Amiriyyah Arab Bersatu.

Sejauh yang diketahui Dinar Emas Islam yang dilancarkan di UAE itu bukanlah wang tetapi hanyalah sebagai alat pelaburan. Juga ia dilihat sebagai *comemorative coin* dan bernilai kepada sesiapa jua yang hobinya menyimpan koin termasuk koin emas dan perak. Bagaimana pun pengenalan semula Dinar emas Islam ini sudah cukup bermakna kalau ada pihak yang akan menggunakannya bagi membayar zakat dan mahar perkahwinan.

Printis gerakan "kembali ke Dinar Emas Islam," Umar Ibrahim Vadillo telah menubuhkan syarikat urusaniaga Dinar Emas bernama e-dinar Ltd. berpangkalan di Labuan. Syarikat e-dinar ialah satu sistem pertukaran yang membolehkan pemindahan emas dan perak secara elektronik di antara akaun. Setiap akaun ada baki dinar emas dan dirham secara fizikal. Kalau baki dalam akaun ialah 1000 Dinar Emas Islam maka di dalam bilik simpanan selamat disimpan emas seberat yang bersamaan dengan 1000 Dinar. Kalau satu Dinar beratnya 4.25 gram, maka di dalam peti selamat ada disimpan 4250 gram emas.

Dinar Emas Kelantan

Ada maklumat yang menyatakan Dinar Emas digunakan secara persendirian (*private*) di lebih 22 buah negara. Dinar Emas sekarang dikilang (*minted*) di empat negara. Juga di sana sudah wujud perniagaan jual beli Dinar Emas dan

Dirham melalui internet. Oleh itu pelancaran Dinar Emas Kelantan selaras dengan perkembangan ini. Kelantan mengikut bukan memimpin. Apa yang diumumkan oleh YB Dato' Husam Musa, Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Masyarakat kelantan ialah untuk menawarkan Dinar Emas dan Dirham sebagai alat tabungan dan pelaburan, bukan, sebagai legal tender. Reaksi gelabah dan negatif Perdana Menteri Malaysia amat tidak diduga.

Penerbitan Dinar Emas Kelantan bukan sebagai alat perantaraan pertukaran (*medium of exchange*). Ia tidak diterima untuk membayar barang-barang yang kita beli di pasar atau di kedai. Juga tiada penjual yang boleh menerima bayaran dalam bentuk Dinar Emas Kelantan bagi barangan yang dijual. Sesiapa yang memiliki Dinar Emas Kelantan maka hendak ianya ditukarkan dahulu kepada ringgit Malaysia mengikut harga emas semasa (*spot price*) berdasarkan formula yang diterima pakai apabila hendak berjual beli. Maka ringgit itulah yang digunakan untuk membeli barangan dan diterima apabila menjual barangan. Hanya ringgit Malaysia yang diiktiraf sebagai *legal tender* di dalam wilayah Malaysia. Matawang lain tidak sah digunakan sebagai alat pertukaran.

Maka, Dinar Emas Kelantan bolehlah digunakan sebagai alat simpanan (*savings instrument*), membayar zakat, membayar mahar perkahwinan dan sebagai hadiah (untuk ulang tahun perkahwinan, hari jadi, kakitangan cemerlang dan sebagainya). Dalam Daulah Islamiah, ia boleh

digunakan untuk membayar denda di bawah pelbagai hukum Islam. Disini dijelaskan dua kegunaan utama.

- **Alat Simpanan**

Simpanan atau tabungan adalah lebih pendapatan di atas perbelanjaan. Kalau pendapatan kita RM10,000 sebulan dan kita berbelanja RM9,000 sebulan maka kita ada lebih sebanyak R1,000. Bagaimanakah hendak menyimpan lebih pendapatan ini? Banyak pilihan. Kita boleh menyimpan di bawah bantal tanpa mendapat apa-apa pulangan malah terhakis pula nilai atau kuasa belinya oleh inflasi dan bayaran zakat (kalau cukup syarat-syaratnya), menandatangani di dalam bank dalam bentuk akaun simpanan, akaun deposit berjangka, dalam unit amanah saham dan pelbagai lagi bentuk pelaburan yang menawarkan konfigurasi *risk-reward* yang berbeza. Bila wujud Dinar Emas Islam, bolehlah wang lebih RM1,000 itu dilaburkan di dalam Dinar Emas. Risikonya ialah harga emas boleh naik atau turun atau kekal, samalah seperti melabur dalam komoditi-komoditi yang lain. Bukti empiris menunjukkan bahawa harga emas cukup stabil dalam jangka panjang dan bebas dari turun naik yang ekstrim dalam jangka pendek dan sederhana. Ia cukup adil sebagai pelindung kuasa beli.

- **Membayar Zakat**

Dari segi hukum, zakat hanya boleh dibayar dalam "*tangible merchandise*." Dari segi sejarah Daulah Islamiah, zakat sentiasa dibayar dalam Dinar Emas dan Dirham.

Kerajaan Othmaniah sehinggalah kepada Khalifah yang terakhir tidak membenarkan zakat dibayar dengan wang kertas. Fatwa Sheikh Mohammad Alish (1802-1881), Qadi Besar Mazhab Maliki selalu disebut dalam hal ini. Menurut beliau kalau kita membayar zakat dengan wang kertas (fulus) maka hanya nilainya sebagai *merchandise* ('ain), iaitu, nilai kertas itu sebagai kertas yang diambil kira. Nilai nominal wang kertas itu tidak relevan sebagai bayaran zakat.

Oleh itu, dengan adanya Dinar Emas Kelantan, bolehlah zakat dibayar dengan Dinar Emas dan Dirham perak.

Kesimpulan

Dunia Islam dengan penduduknya melebihi 1.3 bilion umat nampaknya mahu kembali kepada sistem matawang dwi-logam hasil dari kesedaran bahawa khazanah umat Islam dari hasil penjualan minyak khususnya, yang tersimpan di institusi kewangan barat dalam bentuk wang kertas IOU boleh, pada bila-bila masa, bertukar menjadi debu. Juga di bawah sistem kadar pertukaran terapong yang diamalkan dunia sekarang, serangan spekulasi ke atas mata wang seperti yang telah berlaku dalam tahun 1997-98 boleh memiskinkan mana-mana negara. Oleh itu gerakan "kembali kepada Dinar Emas Islam" patut dilihat secara positif terutamanya bila dilihat di sana ada bukti yang jelas – empiris dan sejarah – bahawa harga kedua logam ini stabil dalam jangka panjang dan turun naiknya tidak ekstrim dalam jangka pendek dan sederhana.

Bermula dengan mengeluarkan Dinar Emas Islam dan Dirham sebagai alat pelaburan adalah satu langkah yang strategik.

Dhaka
17 September 2006

PKBIT 2007